Persidangan Lembaga Perkhidmatan Kewangan Islam Yang Kedua
24 Mei 2005

"Peningkatan dan Keberkesanan Tadbir Urus Korporat dalam Industri Perkhidmatan Kewangan Islam"

Ucapan oleh
Tan Sri Dato' Sri Dr. Zeti Akhtar Aziz
Gabenor, Bank Negara Malaysia

"Ciri utama sistem kewangan Islam terletak pada nilai etika yang tinggi yang menyokong tadbir urus dan operasi perniagaan kewangan Islam. Dengan perkembangan industri tersebut yang sangat pesat dan dengan persekitaran yang menjadi semakin kompleks dan lebih mencabar, merealisasikan sistem kewangan yang mantap dan berdaya tahan memerlukan wujudnya satu struktur tadbir urus yang kukuh bagi institusi kewangan Islam. Pada asasnya, cabaran yang dihadapi adalah untuk mengembangkan strategi yang akan menggalakkan pelaksanaan amalan tadbir urus korporat yang mantap dan efektif yang juga menyokong inovasi dan operasi perniagaan. Perkara penting dalam visi bersama ini adalah untuk mewujudkan rangka kerja tadbir urus yang komprehensif bagi institusi kewangan dan untuk merangka strategi pelaksanaan Islam yang sesuai yang mampu memenuhi keperluan industri yang dinamik di samping meningkatkan keyakinan dan kestabilan dalam sistem kewangan Islam."

Sementara pelaksanaan amalan terbaik tadbir urus bukanlah matlamat akhir, ia merupakan satu infrastruktur sokongan yang penting untuk industri mencapai prestasi yang tinggi dan perkembangan yang berterusan. Pengukuhan rangka kerja dan amalan tadbir urus korporat yang mantap telah menjadi semakin penting dalam persekitaran hari ini yang semakin tidak menentu dengan risiko sentiasa bertambah. Sesungguhnya, adalah tepat pada masanya usaha-usaha ditumpukan pada memperkukuh tadbir urus korporat dalam institusi kewangan Islam memandangkan pelbagai kontrak yang dimeterai oleh institusi kewangan Islam tersebut dengan pelanggan mereka, yang terdapat dalam kewangan Islam. Khususnya, usaha-usaha yang dijalankan perlu mengambil kira pembentukan struktur tadbir urus institusi yang sesuai dan keperluan untuk penzahiran sepenuhnya.

Ucapan saya pada hari ini tertumpu pada lima bidang utama yang penting untuk memperoleh satu rangka kerja tadbir urus yang lebih baik bagi institusi kewangan Islam yang mengambil kira peranan dan

tanggungjawab pemegang saham. Ucapan saya juga akan menyentuh pengalaman dan pendekatan yang diambil oleh Malaysia untuk memperoleh rangka kerja tadbir urus yang mantap bagi institusi kewangan Islam.

Tugas pertama adalah untuk memastikan reka bentuk dan pelaksanaan strategi tadbir urus korporat tidak menjadi beban pengawalseliaan atau penghalang kepada objektif perniagaan dan potensi pertumbuhan.

Dalam mereka bentuk dan melaksanakan standard tadbir urus korporat dan prinsip teras bagi institusi kewangan Islam, cabaran yang dihadapi adalah untuk menyediakan satu rangka kerja yang bukan sahaja mengambil kira ciri utama perniagaan kewangan Islam yang unik, malahan yang mendorong inovasi dan persaingan, dengan itu menyokong potensi pertumbuhan industri. Pada asasnya, reka bentuk dan strategi perlu mencapai objektif berkembar iaitu untuk mencapai prestasi perniagaan yang berterusan dan akauntabiliti korporat yang mantap.

Dengan tahap inovasi yang meningkat dalam persekitaran yang lebih liberal dan penyahkawalseliaan, satu rangka kerja tadbir urus yang lebih berasaskan prinsip berbanding dengan yang berasaskan peraturan menjadi relevan. Dengan itu, pendekatan tersebut perlu menghasilkan panduan yang umum tetapi jelas, standard dan prinsip teras, dan bukannya peraturan dan pengawalan yang preskriptif. Proses tersebut akan melibatkan pengenalpastian risiko dan memastikan institusi-institusi mempunyai kapasiti dan mekanisme kawalan dalaman dan sistem untuk mengambil dan mengurus risiko yang dikenal pasti.

Meskipun tadbir urus yang baik sangat diperlukan, prinsip yang relevan perlu diterap secara harmoni dengan ciri pelbagai jenis urus niaga yang unik dan khusus dalam kewangan Islam. Khususnya, rangka kerja perlu mendapat sokongan semua pihak berkepentingan bagi institusi kewangan Islam. Ini memerlukan sistem yang akan memastikan tanggungjawab terhadap kesemua pihak berkepentingan utama - pelanggan, pendeposit, pelabur, usahawan, pemilik dan komuniti secara keseluruhan - dipenuhi dengan integriti dan mengikut peraturan dan pengawalan. Malahan, dalam persekitaran yang memerlukan perusahaan perniagaan untuk mengimbangkan antara kepentingan pelbagai pihak berkepentingan, yang kadang kala mungkin bercanggah, rangka kerja tadbir urus yang sesuai untuk sekatan dan imbangan yang aktif menjadi begitu penting. Meskipun peranan pemegang saham dan lembaga pengarah sememangnya kritikal, tetapi ini tidak seharusnya mengurangkan peranan pihak berkepentingan lain.

Kedua, perlu ada rangka kerja tadbir urus korporat yang mantap di peringkat institusi dengan pemegang saham dan lembaga pengarah sebagai peserta-peserta utama.

Di peringkat institusi, tadbir urus korporat pada dasarnya adalah mengenai bagaimana syarikat tersebut diurus dan dikawal serta cara untuk memastikan akauntabiliti yang sesuai bagi mereka yang

bertanggungjawab. Oleh itu, perkara utama dalam rangka kerja tadbir urus korporat adalah untuk memastikan integriti, kawalan dalaman yang kukuh dan amalan pengurusan risiko yang mantap. Dalam hal ini, pengaruh terbesar pemegang saham adalah dalam hal pelantikan pengarah-pengarah bebas dan tidak bebas; memastikan pemilihan mereka mampu menetapkan hala tuju yang jelas dan mendorong tadbir urus korporat yang efektif di peringkat institusi. Pemegang saham mempunyai peranan memastikan lembaga pengarah terdiri daripada gabungan individu yang cekap dengan pengalaman yang relevan bagi menyediakan perwakilan yang efektif.

Lembaga pengarah harus mampu mempertahankan objektif jangka panjang institusi dan menyediakan pucuk pimpinan bagi tadbir urus korporat yang baik dengan menetapkan rangka kerja tadbir urus korporat yang jelas untuk institusi, dan membuat pemantauan yang efektif dalam pelaksanaannya. Rangka kerja tadbir urus umum institusi akan menjadi rujukan utama bagi pihak pengurusan dan kakitangan dalam hal tadbir urus korporat. Ia juga merupakan manifestasi visi dan strategi institusi untuk mencapai tadbir urus yang baik yang dengannya pemegang saham dan pihak berkepentingan di luar yang lain boleh menilai tahap komitmen institusi ke arah meningkatkan tadbir urus yang baik.

Islam menyokong sepenuhnya kesemua bentuk tadbir urus yang positif. Walau bagaimanapun, reka bentuk rangka kerja tidak harus dibuat secara berasingan daripada nilai-nilai universal yang terdapat dalam prinsip dan standard tadbir urus yang konsisten dengan prinsip Islam. Rangka kerja ini harus menetapkan fungsi setiap komponen dan tahap tadbir urus dengan cara yang akan memastikan akauntabiliti setiap bidang kuasa dengan pembahagian kuasa yang sesuai untuk mengelakkan kemungkinan wujudnya konflik kepentingan. Dalam konteks ini, pertimbangan boleh diberi pada empat perkara yang penting kepada rangka kerja tadbir urus bagi institusi kewangan Islam.

(i) Pertama, untuk memastikan panduan, standard dan prinsip teras mampu menerapkan nilai-nilai yang bertepatan dengan Syariah. Nilai teras iaitu kejujuran dan integriti adalah intipati rangka kerja tadbir urus bagi urus niaga kewangan Islam yang banyak bergantung pada hubungan kepercayaan. Kepentingan nilai teras ini jelas disebut di dalam al-Quran, Sunnah dan fekah. Institusi perbankan sebagai pengguna dana orang ramai harus bertindak secara jujur untuk manfaat semua pihak berkepentingan. Jika hubungan pembiaya dan usahawan boleh dibentuk berasaskan kejujuran, kecekapan dan keadilan, keseimbangan yang mantap boleh dicapai yang akan menjaga kepentingan kedua-dua belah pihak.

(ii) Kedua, rangka kerja tadbir urus perlu mengambil kira peranan yang berbagai-bagai yang dimainkan oleh institusi kewangan Islam dan memberi layanan yang saksama kepada semua pihak berkepentingan yang berkenaan, termasuk pemegang saham minoriti dan pemegang akaun pelaburan. Ini terkandung dalam konsep keadilan dalam Islam seperti yang termaktub dalam

al-Qur'an, yang merupakan konsep yang paling hampir dengan taqwa dalam agama Islam.

(iii) Ketiga, rangka kerja tadbir urus Syariah hendaklah diwujudkan sebagai satu dimensi tambahan dan satu ciri yang ketara dalam struktur tadbir urus institusi kewangan Islam. Ini adalah penting untuk menanam keyakinan orang ramai terhadap kesucian operasi institusi kewangan Islam. Oleh itu, Lembaga atau Jawatankuasa Syariah merupakan satu lagi lapisan dalam struktur tadbir urus. Jawatankuasa Syariah berfungsi untuk memastikan bahawa pengurusan institusi perbankan Islam mematuhi prinsip-prinsip Islam.

(iv) Keempat, rangka kerja ini perlu menggalakkan ketelusan yang lebih meluas dan penzahiran pada tahap yang lebih tinggi untuk menangani ketidakseimbangan maklumat bagi pihak berkepentingan yang berlainan dalam struktur urus niaga kewangan Islam yang berbeza-beza, yang seterusnya memudahkan disiplin pasaran untuk berfungsi dengan berkesan. Ini adalah penting bagi pemegang akaun pelaburan yang berupaya mempengaruhi institusi kewangan Islam sekiranya mereka mempunyai maklumat yang cukup tentang strategi pelaburan dan hasil pelaburan, serta kadar pulangan yang diguna pakai. Penzahiran juga akan membolehkan pasaran menetapkan premium risiko yang berpatutan kepada syarikat berkenaan dan seterusnya memperkukuh disiplin pasaran yang berkesan.

Bidang utama yang ketiga ialah pengukuhan mekanisme yang sedia ada untuk menerapkan nilai-nilai Islam ke dalam operasi perniagaan dan tadbir urus.

Dengan wujudnya rangka kerja tadbir urus yang umum, institusi kewangan Islam perlu mempunyai mekanisme yang cukup untuk pelaksanaan rangka kerja yang berkesan. Ini termasuk sistem kawalan dalaman, audit dalaman dan luaran, pengurusan risiko, ketelusan dan penzahiran, dan amalan pematuhan yang kukuh. Ini juga termasuk penubuhan jawatankuasa pencalonan dan ganjaran, bagi memastikan mereka yang layak dilantik serta ganjaran atau penalti sepadan dengan akauntabiliti dan prestasi mereka. Sesungguhnya, Rasulullah s.a.w. merujuk pada perkara ini dengan sabdanya "sesiapa sahaja yang mengambil seseorang bekerja kerana sifat pilih kasih dan pada masa yang sama terdapat seseorang yang lebih baik daripada yang dipilih itu, dia telah melakukan pecah amanah dengan Tuhan, RasulNya dan semua orang Islam".

Jawatankuasa pengurusan risiko perlu mengkaji semula risiko yang khusus bagi kewangan Islam dan mempertimbangkan cara yang boleh diambil untuk mengurus risiko tersebut. Kepakaran perlu dibangunkan untuk melaksanakan pengauditan risiko Syariah. Oleh itu, Jawatankuasa audit perlu menilai bukan sahaja risiko yang berkaitan dengan operasi perbankan, bahkan juga melengkapi Jawatankuasa Syariah dalam memastikan prinsip Syariah dipatuhi sepenuhnya. Peranan jawatankuasa Syariah juga boleh dikembangkan melangkaui kelulusan produk,

terutamanya, untuk mengukuhkan tadbir urus institusi kewangan Islam dengan memastikan bahawa bagi setiap produk baru, penzahiran yang betul dilakukan serta hak pelanggan dan tanggungjawab institusi perbankan Islam diperuntukkan dengan jelas.

Yang keempat, peranan pengawal selia dalam pengukuhan standard dan amalan terbaik bagi membentuk tadbir urus yang baik.

Kerajaan dan pengawal selia mempunyai peranan penting untuk menyediakan persekitaran yang menyokong pembangunan struktur tadbir urus yang mantap serta yang memperuntukkan penguatkuasaan.

Di Malaysia, pembaharuan tadbir urus korporat merupakan agenda utama. Malaysia telah mengguna pakai pendekatan hibrid ke arah pembaharuan tadbir urus termasuk pembaharuan perundangan, pengawalan sendiri serta langkah-langkah untuk menggalakkan pengawalan berasaskan pasaran. Pendekatan ini mengimbangkan pengawalan berhemat, disiplin pasaran dan pemantauan pemegang saham. Malaysia telah melaksanakannya atas dasar bahawa terdapat aspek tadbir urus korporat yang pengawalan berkanun adalah berkesan dan perlu, sementara dalam aspek lain, pengawalan sendiri adalah lebih wajar. Oleh itu, membangunkan rangka kerja perundangan dan keinstitusian yang perlu untuk menyokong pembangunan amalan tadbir urus korporat yang baik dalam ruang lingkup pasaran modal dan kewangan ialah sebahagian penting daripada proses tersebut.

Antara langkah yang diusahakan termasuk undang-undang yang menyediakan rangka kerja berkanun untuk melindungi kepentingan pendeposit, pelanggan dan pemegang saham serta rangka kerja berhemat untuk menggalakkan kestabilan kewangan. Ini termasuk peruntukan perundangan yang menetapkan had maksimum pemegangan saham yang dibenarkan bagi mengelakkan penumpuan hak milik. Terdapat juga sekatan dalam pemberian kredit kepada pihak yang berkaitan bagi mengelakkan konflik kepentingan, serta had mengenai pemberian pinjaman kepada pelanggan tunggal. Langkah-langkah lain termasuk pengeluaran garis panduan yang khusus mengenai peranan dan tanggungjawab pengarah dan penubuhan pelbagai jawatankuasa lembaga. Penekanan juga diberikan kepada peranan pengarah bebas, kelayakan minimum mereka serta ganjaran bagi memastikan kebebasan yang mencukupi untuk bertindak mengikut kepentingan terbaik institusi.

Dalam bidang tadbir urus Syariah, garis panduan mengenai struktur tadbir urus Jawatankuasa Syariah institusi kewangan Islam telah dikeluarkan. Garis panduan tersebut menggariskan peranan dan tanggungjawab Jawatankuasa Syariah yang melangkaui pengesahan produk yang mematuhi Syariah bagi memastikan operasi institusi perbankan Islam mematuhi keperluan Syariah sepanjang masa. Garis panduan tersebut juga menggariskan kriteria yang layak dan sesuai bagi ahli jawatankuasa, dan menekankan kebebasan jawatankuasa untuk melaporkan secara langsung kepada Lembaga Pengarah dan memberikan

Lembaga Pengarah tanggungjawab untuk memastikan Jawatankuasa Syariah dapat menjalankan tugasnya dengan berkesan. Selain itu, ahli Jawatankuasa Syariah tidak boleh menganggotai Jawatankuasa Syariah institusi perbankan Islam yang lain dan Majlis Penasihat Syariah Bank Negara Malaysia. Ini bagi menjamin kerahsiaan dan mengelakkan sebarang kemungkinan konflik kepentingan.

Bagi menggalakkan ketelusan kewangan dan penzahiran yang lebih baik serta bagi menjaga kepentingan pendeposit pelaburan, garis panduan mengenai model penyata kewangan bank Islam telah juga dikeluarkan. Sehubungan dengan itu, institusi perbankan Islam dikehendaki menyediakan penzahiran maklumat yang antara lain ialah mengenai pengasingan pendapatan dan perbelanjaan daripada kategori instrumen termasuk pelaburan deposit pelaburan yang tidak terhad, deposit pelaburan yang terhad dan pelaburan dana pemegang saham. Institusi perbankan Islam juga dikehendaki menzahirkan maklumat mengenai rizab penyamaan keuntungan.

Selain keperluan penzahiran dalam penyata kewangan, satu rangka kerja standard pengiraan kadar pulangan bagi operasi perbankan Islam telah diperkenalkan. Rangka kerja tersebut memerlukan institusi perbankan Islam untuk mengasingkan dengan jelas pendapatan dan perbelanjaan operasi perbankan Islam berdasarkan pengurusan dana, iaitu pada asas terhad dan tidak terhad. Rangka kerja tersebut menyediakan asas pengiraan dividen kepada pendeposit pelaburan bagi mencerminkan purata kadar pulangan bersih sebenar bagi setiap deposit berdasarkan tempoh matang masing-masing. Pengiraan dividen yang tepat adalah penting bagi memastikan pendeposit pelaburan mendapat bahagian yang wajar daripada pulangan pelaburan. Selain itu, rangka kerja itu membenarkan peruntukan keuntungan di bawah mekanisme rizab penyamaan keuntungan untuk mengurangkan turun naik dalam kadar keuntungan.

Akhirnya, mempertingkatkan peranan badan penentu standard yang lain

Dengan berkembangnya kewangan Islam, terdapat beberapa bidang bersama yang tertentu yang usaha secara kolektif oleh industri kewangan Islam, termasuk oleh badan penentu standard tempatan dan antarabangsa, boleh membawa manfaat kepada sistem kewangan keseluruhan.

Dalam hubungan ini, persatuan-persatuan institusi perbankan mempunyai peranan yang penting dalam menerajui inisiatif untuk menggalakkan standard yang tinggi bagi kod etika amalan pasaran untuk memenuhi kehendak dan permintaan pelanggan yang semakin meningkat. Persatuan institusi perbankan boleh memainkan peranan pelengkap yang penting terhadap usaha pihak berkuasa pengawalseliaan menggalakkan sistem perbankan yang lebih progresif, dinamik dan berdaya tahan. Bagi industri perkhidmatan kewangan Islam, terdapat beberapa bidang kepentingan bersama yang persatuan industri boleh memberi sumbangan untuk memperkukuh tadbir urus korporat.

Di arena antarabangsa, AAOIFI telah menyumbang ke arah kualiti penyata kewangan dan metodologi pelaporan institusi Islam yang lebih baik melalui pengeluaran standard perakaunan dan pengauditan bagi institusi kewangan Islam. Standard dan kod etika telah juga dikeluarkan untuk mengurus amalan akauntan dan juruaudit institusi Islam. Jelas bahawa AAOIFI telah membantu usaha untuk mempercepat kadar ketelusan dan tadbir urus korporat institusi kewangan Islam dalam persekitaran antarabangsa.

Sememangnya peranan Lembaga Perkhidmatan Kewangan Islam adalah penting dalam mempertingkatkan tahap ketelusan dan kualiti tadbir urus korporat institusi kewangan Islam. Lembaga Perkhidmatan Kewangan Islam melalui penyebarluasan standard berhemat antarabangsa mengenai tadbir urus korporat yang konsisten dengan prinsip Syariah, akan memainkan peranan yang penting dalam menggalakkan pembangunan perkhidmatan kewangan Islam yang berhemat, telus dan mantap.

Rumusan

Tadbir urus yang baik pada dasarnya, merangkumi penyertaan, ketelusan dan kebertanggungjawapan. Kesemua elemen tersebut adalah sebati dalam Islam dan oleh itu merupakan satu bahagian yang amat penting dalam rangka kerja tadbir urus institusi kewangan Islam. Berikutan itu, rangka kerja tadbir urus Islam yang berkesan memerlukan penglibatan semua pihak yang berkepentingan - kerajaan, persatuan industri, pemegang saham, pengarah, pihak pengurusan dan pihak lain yang berkenaan dengan perniagaan tersebut seperti juruaudit, akauntan, peguam dan penasihat Syariah untuk saling melengkapi dengan penuh tanggungjawab dalam memainkan peranan semakan dan sekatan, dan dalam memperkukuh amalan tadbir urus korporat. Di peringkat antarabangsa, Lembaga Perkhidmatan Kewangan Islam dan badan penentu standard yang lain mempunyai peranan penting untuk mengharmonikan amalan dan melengkapkan rangka kerja tersebut dengan menetapkan rangka kerja tadbir urus yang umum untuk digunakan di peringkat antarabangsa. Dengan pendekatan yang sepadu dan secara kumulatif, rangka kerja tadbir urus korporat yang berkesan akan dapat dilaksanakan dengan jayanya. Setiap seorang daripada kita, tanpa mengira kedudukan, sama ada sebagai pengawalselia atau ahli bank, adalah bertanggungjawab. Saya ingin merumuskan dengan merujuk kepada sabda Rasulullah s.a.w, “Setiap seorang daripada kamu ialah penjaga, dan setiap penjaga bertanggungjawab atas setiap perkara di bawah jagaannya”.

Forum Ahli-ahli Bank Islam 2005
21 Jun 2005, Putrajaya

"Kewangan Islam: Menggalakkan Kelebihan Bersaingan"

Ucap Utama oleh
Tan Sri Dato' Sri Dr. Zeti Akhtar Aziz
Gabenor, Bank Negara Malaysia

"Kewangan Islam kini merupakan satu bentuk pengantaraan kewangan yang kompetitif, yang mampu memenuhi keperluan ekonomi yang terbeza. Dalam persekitaran yang berubah dengan pesat, faktor utama yang akan mempengaruhi prospek masa hadapan industri perkhidmatan kewangan Islam ialah pelaburan untuk membangunkan asas-asas yang membolehkan kemajuan seterusnya dapat dicapai. Melabur untuk masa hadapan dalam penyelidikan dan pembangunan dan dalam pembangunan bakat dan kepakaran akan menjadi faktor yang akan menyumbang ke arah keberkesanan, daya tahan dan daya saing industri. Usaha ini perlu menjadi tanggungjawab bersama sektor swasta dan awam untuk menaikkan prestasi industri dan seterusnya meningkatkan potensinya untuk menyumbang ke arah pembentukan kekayaan dan kemakmuran negara kita."

Saya berbesar hati kerana dijemput untuk berucap pada Forum Ahli-ahli Bank Islam yang dianjurkan oleh General Council for Islamic Bank and Financial Institutions (CIBAFI) mengenai pendekatan strategik dalam pembangunan sistem kewangan Islam yang progresif. Sesungguhnya Forum ini merupakan peluang yang amat baik untuk pengamal industri, pengawal selia dan ahli akademik untuk membincangkan isu utama yang penting untuk masa hadapan industri perkhidmatan kewangan Islam. Ucapan saya pada hari ini akan tertumpu, terutamanya pada isu yang berkaitan dengan inovasi, yang terhasil daripada pelaburan dalam penyelidikan dan pembangunan (R&D), dan daripada pelaburan dalam tenaga pekerja dalam sektor ini.

Inovasi merupakan kunci kepada pertumbuhan yang mapan dan jaminan kelebihan bersaingan. Inovasi adalah tentang pembangunan produk dan perkhidmatan kewangan Islam yang baru dan peningkatan pelbagai produk dan perkhidmatan bagi memenuhi keperluan pengguna dan perusahaan perniagaan yang lebih canggih dan kompleks pada hari ini. Inovasi juga adalah tentang peningkatan kecekapan keseluruhan cara produk dan perkhidmatan ditawarkan. Inovasi juga melibatkan pengenalan struktur baru yang boleh menyumbang ke arah peningkatan kemudahan bagi pengguna dan perusahaan

perniagaan. Akhir sekali, inovasi juga boleh menyumbang ke arah penciptaan pasaran baru atau pengembangan pasaran yang sedia ada untuk produk dan perkhidmatan Islam. Oleh itu, pengamal-pengamal industri mempunyai peranan penting untuk menggalakkan inovasi. Institusi kewangan perlu melengkapkan strategi perniagaan mereka dengan R&D untuk mencipta produk dan perkhidmatan inovatif yang baru. Produk dan perkhidmatan yang inovatif yang boleh dipercayai, kompetitif dan mematuhi Syariah sememangnya mempunyai pasaran. Pengenalan sukuk berdaulat global lebih dari dua tahun yang lalu merupakan inovasi penting yang kini menampakkan hasil yang ketara.

Inovasi juga boleh berlaku dalam bentuk penerapan teknologi untuk meningkatkan kemudahan bagi pelanggan dan mengurangkan kos urus niaga kewangan. Dalam penggunaan teknologi yang terkini, potensi untuk industri kewangan Islam menyediakan produk dan perkhidmatan baru akan dipertingkat. Ia juga merupakan potensi untuk meningkatkan akses kepada produk kewangan melalui berbagai-bagai jenis saluran penghantaran baru. Penerapan teknologi maklumat yang lebih meluas dalam industri juga dapat mempertingkat kecekapan dengan merendahkan kos bagi pengguna dan perusahaan perniagaan. Bidang-bidang lain termasuk penggunaan teknologi maklumat dalam membuat keputusan yang strategik dalam penjajaran perniagaan, dalam peningkatan kapasiti keinstitusian dan kecekapan operasi serta pengukuhan keupayaan pengurusan risiko. Melangkah ke hadapan, peningkatan keupayaan teknologi menjadi penting bagi industri kewangan kerana ia bersaing dalam persekitaran yang semakin dipacu teknologi.

Persekitaran dan struktur insentif juga penting dalam menyediakan persekitaran yang menggalakkan inovasi. Khususnya, rangka kerja pengawalseliaan dan struktur percukaian adalah penting untuk proses inovasi. Rangka kerja pengawalseliaan tidak seharusnya terlalu membebankan sehingga menyebabkan kos yang tinggi dan menjadi beban pengawalseliaan terhadap perusahaan perniagaan. Pendekatan pengawalseliaan yang intrusif atas produk baru boleh menjadi penghalang kepada inovasi. Struktur cukai juga boleh direka bentuk untuk menyokong proses inovasi. Dalam institusi kewangan, struktur organisasi juga boleh mewujudkan persekitaran untuk inovasi dengan menjajarkan proses organisasi dan pelaksanaan insentif prestasi yang sesuai.

Kepesatan inovasi yang dicapai dalam industri perkhidmatan kewangan Islam telah menyumbang kepada pembangunan rangkaian produk dan perkhidmatan kewangan Islam yang meluas dan pelbagai, yang seterusnya telah dapat menggembleng sumber kewangan dengan berkesan bagi memenuhi keperluan pelaburan dalam ekonomi. Walau bagaimanapun, proses inovasi dalam kewangan Islam secara umumnya telah distrukturkan mengikut pendekatan adaptasi. Sungguhpun terdapat instrumen kewangan Islam yang jelas berbeza daripada instrumen kewangan konvensional, namun bilangannya masih sedikit. Pada kebiasaannya, produk kewangan Islam dipakej semula mengikut ciri produk kewangan

konvensional, dengan menghapuskan elemen yang tidak mematuhi Syariah.

Industri perkhidmatan kewangan Islam kini berada di ambang tahap pembangunan yang baru. Sambil kita maju ke hadapan, industri perkhidmatan kewangan Islam dijangka mempunyai set piawaian pengawalan dan penyeliaan yang berbeza, yang kondusif bagi operasi kewangannya yang unik. Kesedaran dan kefahaman juga semakin meningkat di kalangan komuniti kewangan antarabangsa mengenai sifat operasi kewangan dan perbankan Islam yang jelas berbeza. Selain itu, penggunaan konsep Syariah yang lebih dinamik nyata kelihatan dalam evolusi produk kewangan Islam yang sofistikated, yang distrukturkan berdasarkan pelbagai konsep Syariah. Berdasarkan pembangunan tersebut, sudah tiba masanya untuk meninggalkan amalan inovasi yang biasa kepada arus inovasi yang baru yang akan menjadikan instrumen kewangan Islam produk yang jelas berbeza, yang akan memaksimumkan potensi dan kebijaksanaan Syariah dan yang akan memenuhi kehendak pengguna yang lebih sofistikated dan keperluan perniagaan yang lebih kompleks. Paradigma inovasi dalam kewangan Islam, yang dengan sendirinya akan memberikan kelebihan bersaingan kepada institusi kewangan Islam untuk mengorak langkah ke hadapan, memerlukan pelaburan yang besar dan berterusan dalam R&D. R&D sememangnya merupakan aspek yang penting dalam industri dan perusahaan moden dan tidak kurang pentingnya dalam dunia kewangan. Terdapat tiga prakeperluan yang penting untuk memperkukuh keupayaan R&D, iaitu peruntukan sumber yang mencukupi untuk pembangunan infrastruktur, menjalin perhubungan strategik melalui perkongsian pintar dan melahirkan sekumpulan pekerja mahir dan berkelayakan.

Peruntukan sumber yang mencukupi untuk pembangunan infrastruktur

Institusi kewangan Islam terus berhadapan dengan cabaran-cabaran baru yang perlu ditangani. Keupayaan dan kemampuan keinstitusian mereka perlu diperkuat secara berterusan. Ini termasuk perhatian untuk terus mengkaji semula orientasi strategik dan keutamaan mereka dan pengubahsuaian yang perlu dibuat bagi membolehkan institusi ini bertindak balas secara berkesan kepada perkembangan dan cabaran baru yang muncul.

Untuk memenuhi permintaan pasaran moden dan sofistikated yang semakin meningkat, institusi kewangan harus terus melabur dalam infrastruktur sokongan yang menggalakkan R&D. Ini akan meningkatkan lagi keupayaan inovasi. Tumpuan juga perlu diberikan pada pendekatan terapan bagi kewangan Islam dan amalan modennya. Sokongan kewangan terhadap penyelidikan yang lebih maju di universiti dan institusi penyelidikan akan meningkatkan peluang penyelidikan. Usaha untuk menggunakan dan menyediakan keupayaan teknologi yang kukuh akan turut menyumbang terhadap peningkatan dalam R&D. Dalam penggunaan teknologi yang terkini, potensi industri kewangan Islam untuk membangunkan produk dan perkhidmatan baru juga akan diperkukuh.

Menjalin hubungan strategik melalui perkongsian bijak

Untuk meningkatkan aktiviti R&D, galakan hubungan strategik melalui perkongsian bijak boleh memainkan peranan yang penting. Dengan menjalinkan hubungan strategik bersama entiti yang lain, sinergi yang lebih kukuh akan dapat diwujudkan, yang boleh membawa kepada pendekatan baru, teknologi baru dan bidang pengkhususan yang baru. Kerjasama antara institusi kewangan Islam khususnya, akan meningkatkan kemampuan untuk menggunakan kepakaran industri secara maksimum. Pengenalan produk kewangan Islam yang inovatif dalam satu bidang kuasa yang khusus boleh diperkembang kepada bidang kuasa yang lain. Ini seterusnya akan menyumbang kepada perluasan dan pendalaman pasaran kewangan Islam dan dengan itu memperkukuh pembangunan keseluruhan industri kewangan Islam. Selain itu, kerjasama yang aktif antara penyelidik akademik dengan pengamal akan membolehkan penggunaan secara praktikal hasil penyelidikan. Di Malaysia, sebuah institut penyelidikan dan latihan dalam bidang kewangan dan perbankan Islam milik pihak industri yang dikenali sebagai Institut Perbankan dan Kewangan Islam Malaysia (IBFIM) telah ditubuhkan untuk menerajui kerjasama yang lebih meluas dengan universiti bagi menjalankan penyelidikan dalam bidang yang penting bagi pembangunan yang progresif industri kewangan Islam.

Sekumpulan pekerja mahir dan berkelayakan tinggi

Inovasi yang pesat dalam perkhidmatan kewangan global secara umumnya dan sektor perkhidmatan kewangan Islam khususnya, memerlukan pemupukan dan peningkatan kemahiran yang pesat dan berterusan. Melahirkan sekumpulan pekerja yang berbakat dan pakar adalah amat penting untuk memantapkan keupayaan penyelidikan. Dalam hal ini, tumpuan yang serius terhadap pembangunan modal insan harus diberikan melalui latihan dan pendidikan. Dalam persekitaran yang kompetitif pada hari ini, modal intelek ialah faktor utama dalam menentukan tahap inovasi dan daya saing bagi sesebuah institusi atau syarikat. Cabaran utama bagi institusi kewangan Islam adalah untuk menarik minat tenaga pekerja berasaskan pengetahuan dengan kemahiran yang diperlukan untuk meningkatkan potensi terhadap inovasi, produktiviti dan prestasi. Industri perkhidmatan kewangan Islam perlu menggalakkan pembangunan modal insan dan kepakaran yang berterusan untuk melahirkan lebih banyak golongan pakar dan pekerja profesional yang berkaliber tinggi. Ini melibatkan usaha menarik minat dan mengekalkan pekerja berbakat yang sedia ada dan menyediakan sebilangan individu mahir untuk masa hadapan. Di samping itu, pakar dalam kewangan Islam perlu menggabungjalinkan pengetahuan dan kefahaman Syariah dengan kemahiran yang perlu dalam kewangan. Peruntukan latihan dan pembangunan kerjaya memainkan peranan yang penting dalam sektor ini. Oleh itu, sistem pembelajaran perlu diperkemas

bagi memenuhi keperluan kemahiran dan bakat pada dekad yang akan datang.

Latihan merupakan tanggungjawab bersama antara industri, ahli akademik dan Kerajaan. Di Malaysia, Kerajaan merancang untuk menubuhkan institusi latihan kewangan antarabangsa mengenai kewangan Islam. Persediaan asas untuk menubuhkan institusi ini telah pun bermula. Walaupun sebahagian daripada keperluan ini dapat dipenuhi, institusi perbankan Islam juga digalakkan meneroka kebolehlaksanaan untuk mengatur kerjasama dengan universiti-universiti dan institusi-institusi lain di dalam dan luar negeri, bagi mengenal pasti dan menyediakan latihan khusus untuk industri perkhidmatan kewangan. Ini termasuk bengkel dan kursus latihan dalam jaluran produk baru dan produk yang baru muncul yang memerlukan kemahiran dan kepakaran khusus.

Pendidikan untuk graduan dan kakitangan lain yang memasuki pasaran kewangan Islam tidak kurang pentingnya. Peluang-peluang untuk mahasiswa mempelajari kewangan Islam atau Syariah, sama ada sebagai satu pengkhususan atau komponen utama ijazah perniagaan, seharusnya sedia ditawarkan di universiti tempatan atau luar negeri. Cabaran yang dihadapi adalah bagi menyediakan program yang selaras dengan perubahan inovasi dan teknologi kewangan. Dalam memenuhi kehendak ini, ia memerlukan program lanjutan yang rapi seperti program sarjana dalam Kewangan dan Kejuruteraan Kewangan Islam dengan penekanan diberikan kepada prinsip perbankan Islam. Pada masa yang sama, organisasi yang berkaitan boleh menyokong program sedemikian dengan mewujudkan dana bagi membiayai pelajar-pelajar pintar untuk meneruskan pendidikan formal, yang meliputi kursus bermodul dalam kewangan Islam sehingga program sarjana penuh. Terdapat juga keperluan untuk menambah program dan inisiatif yang menyediakan pendidikan dan latihan dalam Syariah. Organisasi penyelidikan dan institusi kewangan Islam perlu berusaha ke arah meningkatkan jumlah ahli Syariah yang kompeten, yang mempunyai ilmu pengetahuan yang mantap serta kepakaran dalam perundangan Islam dan undang-undang komersial Islam untuk menghadapi produk yang inovatif dan mempunyai kelebihan yang ketara.

Terdapat juga keperluan untuk mendidik pengguna dan komuniti perniagaan secara meluas. Ini akan meningkatkan jangkauan luar lantas meningkatkan permintaan terhadap produk dan pendekatan baru dan inovatif. Malaysia telah melaksanakan satu program pendidikan pengguna berstruktur 10-tahun untuk meningkatkan tahap kesedaran pengguna mengenai keunikan ciri produk kewangan Islam dan pilihan produk yang ditawarkan oleh penyedia perkhidmatan kewangan Islam. Peningkatan kesedaran akan mendorong permintaan terhadap produk dan perkhidmatan kewangan Islam yang lebih meluas bagi memenuhi kehendak mereka pada harga yang lebih kompetitif dan melalui saluran yang lebih mudah. Jangkauan luar ini juga disasarkan pada perniagaan bersaiz kecil dan sederhana. Proses ini turut memberikan galakan kepada industri kewangan untuk

meningkatkan inovasi bagi memperkukuh kedudukan mereka yang kompetitif. Ini dapat diperkukuh oleh penyelidikan pasaran untuk meningkatkan kefahaman tentang keperluan kewangan pengguna yang jelas dan toleransi mereka terhadap risiko dan dengan yang demikian membolehkan industri mereka bentuk instrumen kewangan Islam yang menawarkan faedah dan nilai yang ketara kepada pengguna. Di samping itu, dengan penzahiran dan ketelusan yang semakin meningkat terhadap cara urus niaga kewangan Islam dijalankan dan bagaimana kontrak kewangan Islam disempurnakan serta profil risiko dan pulangan produk kewangan, ini akan memperkukuh lagi peranan persaingan.

Sebagai kesimpulan, pelaburan untuk masa hadapan perlu dibuat oleh kesemua entiti yang berkaitan dalam sektor kewangan Islam - industri, pengawal selia, peserta pasaran, ahli akademik dan komuniti antarabangsa. Sebagai satu usaha yang terselaras dan bersepadu, ini akan saling memperteguh peningkatan prestasi kewangan Islam. Meskipun persekitaran persaingan yang semakin kompetitif meningkatkan tekanan untuk mengeluarkan hasil dalam jangka masa terdekat, hanya pelaburan dalam modal insan serta R&D yang akan menjamin kemapanan industri dalam jangka panjang. Pelaburan-pelaburan inilah yang akan menjadi elemen penentu dalam pembangunan kewangan Islam masa hadapan dan dalam kejayaan jangka panjangnya.

Seminar Pelan Induk 10 Tahun bagi Industri Perkhidmatan Kewangan Islam
Putrajaya
22 Jun 2005

"Membina Sektor Perbankan Islam Progresif: Mencorak Hala Tuju Masa Hadapan"

Ucapan oleh
Tan Sri Dato' Sri Dr. Zeti Akhtar Aziz
Gabenor, Bank Negara Malaysia

"Industri perkhidmatan kewangan Islam kini di ambang fasa pembangunan seterusnya. Dekad ini menyaksikan pencapaian kemajuan yang pesat. Kewangan Islam kini telah diterima secara meluas sebagai sebuah pengantara kewangan. Walau bagaimanapun, kemapanan kemajuan ini perlu diberi perhatian mendalam bagi masa hadapan – untuk melihat melebihi masa terdekat dan mengambil perspektif jangka masa panjang dalam memenuhi keperluan masa hadapan dan untuk mengembangkan sistem kewangan Islam yang dapat memenuhi keperluan ini dengan cara terbaik. Satu bahagian penting dalam proses ini ialah kejelasan mengenai visi dan objektif yang ingin dicapai. Ini ialah titik permulaan dalam penggubalan Pelan Induk yang akan mendefinisikan rangka tindakan pembangunan masa hadapan kewangan Islam. Dengan menggambarkan masa hadapan, ia akan memberi fokus yang strategik dan matlamat bersama yang ingin dicapai. Namun, perkara yang lebih penting ialah langkah-langkah yang perlu diambil untuk merealisasikannya."

Saya amat berbesar hati kerana diundang untuk berucap di Seminar Pelan Induk Sepuluh Tahun bagi industri perkhidmatan kewangan Islam yang dianjurkan oleh Bank Pembangunan Islam (IDB) dan Lembaga Perkhidmatan Kewangan Islam bagi membincangkan isu-isu dan pertimbangan utama dalam menggubal satu pelan induk untuk pembangunan perbankan dan kewangan Islam. Matlamat kita adalah untuk membangunkan satu sistem kewangan Islam yang efisien, progresif dan komprehensif yang mampu memberi sumbangan kepada keseluruhan proses pertumbuhan dan pembangunan. Fokus ucapan saya adalah pada rangka tindakan ke arah pembinaan satu sektor perbankan Islam yang progresif. Ini meliputi perbincangan mengenai blok binaan yang perlu bagi menyediakan asas pada masa akan datang untuk penambahbaikan dibuat. Saya juga mengambil kesempatan ini untuk berkongsi dengan para hadirin mengenai pengalaman Malaysia dalam penggubalan Pelan Induk Sektor Kewangan 10 tahun yang dilancarkan pada tahun 2001, serta pengalaman kami dalam melaksanakan Pelan tersebut, khususnya dalam pembangunan sektor perbankan Islam.

Keperluan akan Pelan Induk

Kewangan Islam kini sedang menuju ke arah satu dimensi baru untuk memenuhi keperluan pengguna dan perniagaan yang sentiasa berubah; untuk menjadi peserta dalam persekitaran yang lebih liberal dan global serta untuk menjadi lebih bersepadu dengan persekitaran antarabangsa. Sistem kewangan juga sedang beroperasi dalam era perubahan. Malah, landskap kewangan negara dan antarabangsa kini dibentuk oleh kuasa perubahan yang sangat kuat, justeru melahirkan satu persekitaran yang tidak menentu. Walau bagaimanapun, dengan visi yang jelas mengenai matlamat mutlak yang ingin dicapai oleh sistem kewangan, kita mampu melalui tindakan dan inisiatif yang diambil hari ini, membantu merealisasikan visi masa hadapan kita.

Pelan Induk ini pada dasarnya menyediakan satu visi yang sama dan templat bagi negara-negara dalam membangunkan industri perkhidmatan kewangan Islam. Visi dan objektif yang ingin dicapai ini sebahagian besarnya bergantung pada aspirasi yang diingini untuk ekonomi, peranan sektor kewangan dalam ekonomi, fasa pembangunan ekonomi dan sektor kewangan serta tahap integrasi antarabangsa dengan negara-negara lain.

Pelan Induk ini juga akan menjadi dokumen rujukan utama untuk memandu negara dalam menentukan hala tuju pembangunan yang teratur bagi sistem kewangan Islam. Dengan itu, strategi dan pelan tindakan umum, dengan pencapaian yang perlu dicapai pada jangka masa sederhana dan panjang bagi membangunkan sistem kewangan Islam, boleh dikenal pasti. Dalam parameter yang telah ditentukan, negara-negara mempunyai pelbagai pilihan dalam menentukan tindakan terbaik bagi mencapai visi negara yang dihasratkan. Pengalaman negara-negara anggota yang lain boleh dikumpul untuk dijadikan rujukan.

Walau bagaimanapun, perlu difahami bahawa sungguhpun Pelan tersebut menyediakan hala tuju yang strategik, pelaksanaannya perlu diurus dengan fleksibel. Pendekatan bagi pelaksanaan pelan tindakan seperti yang digariskan dalam Pelan Induk perlu dijalankan secara iteratif, dengan mengambil kira potensi perubahan yang mungkin berlaku dalam persekitaran dalam dan luar negara.

Pelan Induk ini juga akan mengenal pasti blok binaan beberapa bahagian sektor kewangan yang perlu diwujudkan untuk menyediakan asas kemajuan seterusnya. Oleh itu, Pelan Induk Kewangan menyediakan susunan keutamaan dan mengenal pasti infrastruktur kewangan utama yang perlu diwujudkan sebelum melangkah ke hadapan. Pelaksanaan boleh dijalankan secara serentak bagi sesetengah bidang, manakala bagi bidang yang lain pula, pendekatan langsung boleh diambil untuk mempercepatkan kadar pembangunan.

Dalam merangka dan merumuskan Pelan Induk, pertimbangan harus diberikan kepada kepelbagaian negara anggota IDB. Negara anggota IDB berada pada tahap pembangunan ekonomi yang berbeza-beza, menghadapi cabaran ekonomi dan kewangan

yang berbeza serta mempunyai keutamaan pembangunan yang berbeza. Pelan Induk bertujuan untuk mengemukakan pendekatan, templat dan blok binaan yang boleh diguna pakai di peringkat yang berbeza dalam pembangunan sistem kewangan Islam yang komprehensif. Pendekatan secara berperingkat akan memberi Pelan Induk fleksibiliti untuk mengambil kira tahap pembangunan ekonomi yang berbeza di negara-negara berkenaan. Walaupun titik permulaan mungkin berbeza, namun negara-negara tersebut boleh mengubah suai pendekatan mengikut tahap pembangunan mereka. Pelan Induk juga akan memberi pilihan kepada negara-negara untuk membangunkan sistem kewangan secara berperingkat, atau sebagai alternatif, pilihan untuk membangunkan institusi dan infrastruktur sokongan secara serentak.

Kepentingan Sistem Perbankan

Pada asasnya, perhatian perlu diberi kepada penggalakan pembangunan sistem kewangan Islam yang komprehensif, yang melibatkan pembangunan komponen sistem yang utama berstruktur, yang terdiri daripada industri perbankan Islam, industri takaful, institusi kewangan bukan bank serta pasaran antara bank dan pasaran modal Islam. Sistem yang komprehensif ini akan membolehkan pengagihan sumber kewangan dan ekonomi yang lebih seimbang dalam sesebuah ekonomi serta memastikan kepelbagaian risiko dalam sistem kewangan Islam. Ini akan meningkatkan daya tahan dan kekukuhan sistem kewangan Islam dalam menghadapi kejutan kewangan dan menyumbang kepada kestabilan sistem kewangan Islam yang menyeluruh. Komponen sistem kewangan Islam hendaklah bersepadu dan saling bergantung. Infrastruktur kewangan Islam yang pelbagai akan menyumbang kepada fungsi sistem kewangan Islam keseluruhan yang lebih berkesan.

Berdasarkan peranannya dalam proses pengantaraan dan sistem pembayaran, sistem perbankan Islam akan terus menjadi teras kepada sistem kewangan Islam. Sistem perbankan yang berkesan dan berfungsi dengan baik adalah penting bagi mencapai prestasi ekonomi yang teguh. Sebagai pengantara kewangan, bank bertanggungjawab untuk melindungi deposit dan mengekalkan kecekapan cara dana digemblengkan, di samping menyalurkan secara berhemat simpanan tersebut untuk pelaburan yang produktif. Dengan tanggungjawab tersebut, institusi perbankan dikehendaki memainkan peranan mereka dengan efektif dan efisien untuk menyumbang kepada kestabilan keseluruhan sistem kewangan serta pertumbuhan dan pembangunan ekonomi.

Visi Sistem Perbankan Islam

Dalam menentukan hala tuju pembangunan masa hadapan sistem perbankan Islam, pertimbangan yang wajar perlu diberikan kepada peranan sistem perbankan dalam ekonomi. Matlamat utama adalah untuk **meningkatkan kekayaan dan menggalakkan pertumbuhan ekonomi yang mapan dan seimbang**. Oleh itu, visinya adalah untuk membangunkan satu sistem perbankan dan kewangan Islam yang progresif dan teguh dengan bertunjangkan

nilai teras dan prinsip Islam yang dapat memenuhi keperluan ekonomi dengan cara yang terbaik.

Dengan menentukan destinasi pembangunan industri perbankan Islam, Pelan Induk ini akan menyediakan hala tuju ke arah visi yang sama di kalangan negara dalam pembangunan sistem kewangan Islam. Sementara usaha bersama boleh digembleng bagi mencapai satu visi yang sama, pertimbangan perlu diberikan pada tahap pembangunan negara-negara berkenaan. Khususnya, peranan yang dijangka dimainkan oleh sistem perbankan perlu dikenal pasti. Ini merangkumi pembangunan sistem perbankan Islam sebagai pengantara dana yang cekap dalam ekonomi, penyediaan sistem perbankan dan kewangan Islam yang sofistikated dan berintegrasi pada peringkat antarabangsa serta berperanan sebagai jentera pertumbuhan.

Prasyarat Sistem Perbankan Islam

Pembangunan sistem perbankan Islam yang kukuh dan dinamik, yang boleh memainkan peranan bermakna dalam pembangunan ekonomi dan sosial negara masa hadapan, memerlukan strategi yang jelas yang memberi fokus pada dua bidang utama, iaitu **pembinaan kapasiti keinstitusian dan pembangunan infrastruktur sokongan kewangan**. Izinkan saya menjelaskan bidang utama dalam strategi ini.

Langkah pertama adalah untuk mengenal pasti ciri sistem perbankan Islam yang sesuai untuk negara – terutamanya sama ada mengguna pakai sistem dwiperbankan dengan bank-bank Islam dan bank konvensional yang menawarkan produk perbankan Islam beroperasi seiring dengan sistem perbankan konvensional, atau secara alternatif, mengguna pakai sistem perbankan tunggal yang menepati sepenuhnya kehendak Syariah (semua bank adalah bank Islam).

Kedua, langkah-langkah perlu diambil untuk memastikan bank-bank Islam mempunyai modal yang kukuh dan berdaya saing. Bagi bank-bank Islam yang telah beroperasi, kriteria yang jelas perlu ditetapkan bagi saiz modal minimum untuk menjadikan bank tersebut peserta pasaran yang penting, dapat memanfaat daripada faedah ekonomi bidangan, mempunyai asas perolehan yang pelbagai dan penonjolan yang lebih ketara dalam pasaran. Saiz minimum tersebut boleh dicapai melalui pertumbuhan organik atau penggabungan dengan bank rakan kongsi, yang akan menghasilkan matlamat yang ingin dicapai dalam tempoh masa yang lebih singkat. Insentif boleh diberikan untuk mendorong bank-bank untuk bergabung manakala garis panduan mengenai saiz modal minimum boleh diterima pakai bagi memastikan sama ada bank-bank tersebut bergabung atau menjalankan permodalan semula. Bagi negara-negara yang sedang mengambil langkah memperkenalkan bank Islam, ini boleh dicapai dengan pengeluaran lesen perbankan Islam yang baru.

Ketiga, bagi negara-negara yang mempunyai sistem dwiperbankan dengan bank konvensional dibenarkan menawarkan produk perbankan Islam, benteng pemisah

"(firewalls)" yang mencukupi perlu diwujudkan untuk memastikan pemisahan yang nyata dalam operasi perbankan supaya percampuran antara dana operasi perbankan Islam dengan konvensional dapat dielakkan. Ini adalah untuk memastikan integriti operasi perbankan Islam dan kesucian dana Islam. Benteng pemisah tersebut perlu mengambil kira dana modal, sistem penjelasan cek, akaun penjelasan dengan bank pusat, akaun penyelesaian dan sistem pelaporan yang berasingan.

Keempat, adalah penting bagi pihak berkepentingan dalam sesebuah institusi, memainkan peranan mereka dengan efektif dan efisien dalam menambahbaikan entiti tersebut tanpa mengira pemilihan sistem. Perkara utama ialah kepimpinan yang mantap dalam kumpulan pengurusan, yang mempunyai komitmen yang tinggi terhadap prestasi dan peningkatan kapasiti. Di samping itu, pelaburan dalam bakat dan kemahiran yang diperlukan adalah penting untuk menerajui pembangunan produk kewangan Islam.

Kelima, ialah keperluan mewujudkan infrastruktur perundangan yang komprehensif. Enakmen undang-undang perbankan Islam ialah satu bahagian yang penting dalam proses ini. Bagi bank konvensional yang menawarkan produk perbankan Islam, pindaan perundangan perbankan yang sedia ada mungkin perlu untuk membolehkan bank-bank tersebut menjalankan aktiviti yang berkaitan dengan perdagangan dan pelbagai fungsi lain. Dasar pelaburan Kerajaan mungkin perlu dikaji semula untuk menangani isu instrumen pelaburan Islam bagi memudahkan operasi mudah tunai institusi perbankan sedemikian. Selain itu, ahli-ahli perundangan yang kompeten dalam undang-undang Syariah dan sivil juga penting. Seterusnya, dalam sistem dwiperbankan, undang-undang percukaian perlu memberikan layanan sama rata antara produk perbankan Islam dengan konvensional.

Keenam, pembangunan rangka kerja Syariah yang komprehensif merupakan satu bahagian fundamental dalam proses ini. Setiap institusi yang menawarkan produk kewangan Islam perlu menubuhkan jawatankuasa penasihat Syariah bagi memastikan semua urus niaga, produk dan operasi kewangan Islam mematuhi kehendak-kehendak Syariah. Keputusan Syariah perlu dibuat dengan telus bagi menggalakkan persefahaman dan penerimaan yang meluas.

Ketujuh, keperluan terhadap rangka kerja pengawalan dan penyeliaan yang mantap dan efektif adalah amat penting. Walaupun pengawalan dan penyeliaan kewangan institusi perbankan Islam adalah sama, bidang-bidang tertentu seperti kecukupan modal dan rangka kerja mudah tunai perlu mengambil kira ciri risiko model perbankan Islam yang unik, yang memenuhi kehendak-kehendak Syariah. Tadbir urus korporat yang baik, ketelusan, pertanggungjawaban, penzahiran, disiplin pasaran, pengurusan risiko dan perlindungan pengguna ialah isu yang sama yang perlu ditangani. Dalam sistem dwiperbankan, adalah penting untuk menghapuskan peluang-peluang arbitraj pengawalseliaan dalam amalan perbankan.

Kelapan, penyelidikan dan pembangunan adalah penting untuk memasukkan nilai-nilai Islam sebagai teras produk perbankan dan model perniagaan. Penyelidikan dan pembangunan di samping pemanfaatan kemajuan teknologi maklumat dan komunikasi juga kritikal bagi memastikan prestasi dan pengagihan keuntungan dan kekayaan yang lebih adil di kalangan semua pihak yang berkepentingan. Selain itu, model kewangan yang mantap yang menggunakan kemajuan teknologi maklumat dapat diterima pakai untuk mempertingkatkan pembangunan produk dan pengurusan risiko.

Kesembilan, pembangunan infrastruktur pasaran kewangan tidak kurang pentingnya bagi memastikan kemapanan perbankan Islam. Pasaran antara bank secara Islam dan pasaran pertukaran asing adalah perlu untuk sistem perbankan Islam berfungsi secara efisien. Kedua-duanya memudahkan operasi mudah tunai bank-bank Islam dan menggalakkan kestabilan kewangan. Di samping itu, kedua-duanya bertindak sebagai saluran penghantaran yang penting bagi pelaksanaan dasar monetari dan peranan bank pusat sebagai pemberi pinjaman usaha akhir. Pasaran modal Islam yang maju juga penting kerana ia memberikan sumber alternatif bagi pembiayaan jangka masa lebih panjang dan berkos efisien kepada pengguna modal. Ia juga memberikan rangkaian instrumen kewangan yang lebih pelbagai kepada pelabur untuk disesuaikan dengan profil risiko mereka yang berbeza-beza. Sistem pembayaran yang cekap dan mantap bagi penjelasan dan penyelesaian pembayaran menjadi teras sesuatu sistem kewangan. Infrastruktur kewangan lain yang menyediakan sokongan kepada pembangunan sektor perbankan Islam termasuk syarikat gadai janji untuk menjalankan pensekuritian pembiayaan perumahan, syarikat jaminan kredit untuk menyediakan skim jaminan kepada industri perusahaan kecil dan sederhana (PKS), dan agensi penarafan untuk memberikan penarafan instrumen kewangan Islam serta satu skim insurans deposit untuk menyediakan jaringan keselamatan yang perlu kepada pendeposit juga perlu disediakan. Selain itu, firma pengauditan, firma percukaian dan firma perundangan hendaklah mempunyai tenaga kerja yang sesuai bagi menyediakan perkhidmatan kepada institusi kewangan Islam. Institusi sokongan ini hendaklah mempunyai kemampuan untuk menyediakan perkhidmatan yang mematuhi prinsip Syariah.

Kesepuluh, pendidikan dan kesedaran pengguna tentang perbankan Islam adalah kritikal dalam menentukan kejayaan dan pembangunan masa hadapannya. Program pendidikan pengguna perlu dibangunkan bagi meningkatkan kesedaran orang ramai terhadap ciri produk dan perkhidmatan perbankan Islam.

Menterjemah Pelan Tindakan menjadi Realiti

Sistem perbankan Islam yang sesuai bagi sesebuah negara bergantung terutamanya pada agenda negara tersebut, matlamat yang ingin dicapai oleh sistem tersebut dan sumber-sumber yang sedia ada. Dalam sistem dwiperbankan, bank konvensional mempunyai pilihan untuk menawarkan produk perbankan Islam melalui

struktur jendela atau cawangan-cawangan bank Islam sepenuhnya atau subsidiari Islam. Bank konvensional juga boleh ditukar untuk beroperasi sebagai bank Islam. Sebagai alternatif, sistem perbankan Islam mungkin juga terdiri daripada bank-bank Islam yang baru ditubuhkan untuk beroperasi seiring dengan sistem perbankan konvensional.

Di samping itu, kerajaan boleh menaik taraf institusi tabungan Islam sedia ada menjadi bank Islam; melesenkan bank Islam asing sebagai satu konsortium atau usaha sama dengan bank-bank tempatan; atau kombinasi pilihan tersebut bagi mencapai matlamatnya. Sebagai alternatif, sesebuah negara boleh mengguna pakai sistem perbankan dan kewangan Islam secara menyeluruh, iaitu sistem perbankan tunggal yang memenuhi keperluan Syariah sepenuhnya.

Izinkan saya menggunakan peluang ini untuk membentangkan pengalaman Malaysia. Sistem perbankan Islam di Malaysia telah melalui empat fasa pembangunan. Fasa pertama melibatkan penubuhan institusi kewangan Islam. Dalam fasa kedua, bank konvensional yang mempunyai benteng pemisah yang sewajarnya dibenar menawarkan produk dan perkhidmatan kewangan Islam. Fasa ketiga menyaksikan operasi jendela yang telah mencapai saiz kritikal diberi pilihan untuk mentransformasikan struktur jendela kepada subsidiari Islam. Akhir sekali, apabila kapasiti dipertingkatkan, sektor perbankan Islam telah diliberalisasikan bagi membolehkan sistem perbankan Islam domestik berintegrasi dengan sistem perbankan di peringkat antarabangsa yang merupakan fasa keempat pembangunan.

Fasa pertama pembangunan kewangan Islam di Malaysia bermula pada tahun 1969 dengan tertubuhnya institusi tabungan Islam iaitu Lembaga Tabung Haji (LTH), sebagai institusi kewangan Islam pertama di Malaysia. Matlamat LTH adalah untuk menggembleng wang simpanan orang Islam yang berniat untuk mengerjakan haji dan menyalurkan dana tersebut ke dalam pelaburan yang berlandaskan prinsip Syariah. Atas kesedaran kewangan Islam yang semakin meningkat, bank Islam pertama iaitu Bank Islam Malaysia Berhad, ditubuhkan pada tahun 1983 dan dilesenkan di bawah Akta Bank Islam.

Akta Pelaburan Kerajaan juga digubal pada tahun 1983 bagi membolehkan sijil pelaburan kerajaan diterbitkan untuk memudahkan operasi mudah tunai Bank. Sebagai sebahagian daripada matlamat jangka panjang pembangunan sistem kewangan Islam yang komprehensif, yang mampu beroperasi seiring dengan sistem perbankan konvensional, pengendali takaful atau insurans Islam pertama ditubuhkan pada tahun 1984, di bawah Akta Takaful iaitu setahun sesudah Bank Islam ditubuhkan bagi menyediakan perlindungan bagi pembiayaan Islam.

Dalam fasa kedua pembangunan perbankan Islam, institusi perbankan konvensional dibenar menawarkan produk dan perkhidmatan perbankan Islam melalui struktur jendela dengan mengguna pakai infrastruktur sedia ada, termasuk kakitangan

dan rangkaian cawangan, bagi mencapai pasaran yang lebih meluas dan kos yang optimum. Dasar penting ini hanya dilaksanakan selepas 10 tahun penubuhan bank Islam sepenuhnya bagi membolehkan ia mencapai sasaran yang lebih luas. Operasi jendela membolehkan bank konvensional sedia ada menyertai pasaran perbankan Islam bagi orang Islam dan bukan Islam.

Di bawah satu program perintis, tiga bank konvensional pada mulanya diberi kebenaran untuk menawarkan produk dan perkhidmatan perbankan Islam. Kemudian, pada awal tahun 1994, bersama-sama dengan penubuhan pasaran wang antara bank secara Islam, sistem dwiperbankan dilaksanakan. Penubuhan pasaran wang antara bank adalah penting supaya sistem perbankan Islam dapat berfungsi dengan lancar dan menjadi model pertama seumpamanya. Seiring dengan perkembangan ini, benteng pemisah antara dana konvensional dengan dana Islam diperkenalkan. Ini termasuk pengasingan dana modal, sistem penjelasan cek, akaun penjelasan dengan Bank Negara Malaysia, akaun penyelesaian dan sistem pelaporan. Mereka juga dikehendaki menubuhkan unit perbankan Islam yang diketuai oleh pegawai kanan, mewujudkan dana perbankan Islam dengan peruntukan minimum, dan melantik sekurang-kurangnya seorang pakar runding Syariah untuk memberi nasihat dalam operasi harian bahagian perbankan Islam. Pada tahun-tahun berikutnya, beberapa peraturan dan pengawalan tambahan dibuat untuk memperkukuh operasi tersebut. Seterusnya, lebih banyak peserta diberi kelulusan untuk menawarkan produk dan perkhidmatan kewangan Islam. Langkah ini meningkatkan lagi keaktifan pasaran antara bank secara Islam.

Kecekapan pasaran antara bank secara Islam dipertingkatkan oleh Sistem Penyelesaian Kasar Masa Nyata (RENTAS) dan Sistem Automatik Sepenuhnya untuk Tender (FAST). RENTAS memudahkan pemindahan dana antara bank dan sekuriti tanpa skrip yang lebih besar nilainya, sementara FAST memudahkan proses tender bagi sekuriti Islam termasuk sekuriti kerajaan, kertas komersial dan sekuriti hutang swasta. Dana dikumpul bagi membiayai projek infrastruktur dan pembangunan jangka panjang melalui penerbitan sekuriti hutang swasta Islam.

Menyedari betapa pentingnya pasaran modal, Malaysia mula membangunkan pasaran sekuriti kewangan Islam swasta pada awal tahun 1990-an, kira-kira enam tahun selepas penubuhan bank Islam tersebut, dengan penerbitan instrumen kewangan Islam pertama. Kemudiannya, lebih banyak instrumen diterbitkan dan ini mewujudkan persekitaran pelaburan yang kondusif bagi pelabur, termasuk bank. Pengenalan pasaran modal Islam telah mengurangkan kebergantungan pembiayaan jangka panjang pada sistem perbankan Islam dan membenarkan institusi perbankan Islam mempelbagaikan sebahagian daripada risiko yang berpunca daripada ketidakpadanan aset dan liabiliti. Pasaran modal Islam memainkan peranan yang penting dalam mengurangkan sumber potensi keadaan kewangan yang mudah terjejas dan meningkatkan keteguhan dan daya tahan sistem kewangan Islam,

dengan itu menghasilkan kestabilan kewangan yang lebih mantap.

Satu perkembangan yang ketara dalam pasaran kewangan Islam domestik baru-baru ini ialah penerbitan sekuriti hutang Islam berdenominasi ringgit oleh dua institusi kewangan pelbagai hala. Ini meningkatkan keyakinan dalam pasaran kewangan Islam Malaysia. Penerbitan tersebut menjadi kenyataan berikutan liberalisasi terhadap peraturan pentadbiran pertukaran asing untuk memudahkan bank pembangunan pelbagai hala, institusi kewangan pelbagai hala dan syarikat multinasional untuk menerbitkan bon berdenominasi ringgit dalam pasaran modal Malaysia.

Kini, sistem perbankan Islam diwakili oleh 30 institusi perbankan Islam, yang terdiri daripada empat bank Islam dan 26 institusi perbankan konvensional, iaitu lapan bank perdagangan, empat bank asing, tiga syarikat kewangan, empat bank saudagar dan tujuh syarikat diskaun. Kemampuan institusi perbankan Islam mengurus dan menawarkan produk dengan ciri yang menarik dan inovatif pada harga yang kompetitif berbanding dengan produk perbankan konvensional telah menarik minat pelanggan Islam dan bukan Islam. Ini mencerminkan kecekapan dan daya saing kewangan Islam sebagai satu bentuk pengantaraan kewangan. Rangkaian pengagihan institusi perbankan Islam yang meluas, yang terdiri daripada 152 cawangan perbankan Islam sepenuhnya dan 2,065 kaunter perbankan Islam, juga disokong oleh sistem pembayaran yang cekap dan terjamin.

Institusi-institusi lain yang ditubuhkan untuk memastikan sistem kewangan Islam kekal mapan dan kukuh termasuk agensi penarafan kredit luaran, seperti Agensi Penarafan Malaysia dan Malaysian Rating Corporation Berhad, tiga pengendali takaful, lima institusi kewangan pembangunan yang menawarkan produk kewangan Islam, termasuk sebuah bank koperasi yang bertukar menjadi institusi kewangan Islam sepenuhnya dan perbadanan cagaran nasional, Cagamas Berhad yang kesemuanya menawarkan produk kewangan Islam.

Malaysia juga melaksanakan pembaharuan undang-undang, pengawalan sendiri dan langkah-langkah untuk menggalakkan pengawalan berasaskan pasaran. Langkah-langkah baru telah diperkenalkan untuk terus meningkatkan tahap tadbir urus di kalangan institusi perbankan. Di Malaysia, Mahkamah Tinggi Malaysia mempunyai hakim mahkamah tinggi khas yang bertugas untuk menghakimi litigasi mengenai hal-hal berkaitan perbankan dan kewangan Islam. Untuk melakukan kajian semula perundangan yang holistik, Bank Negara Malaysia telah menubuhkan Jawatankuasa Kajian Semula Undang-Undang untuk mengkaji semula perundangan dalam negeri yang berasaskan common law untuk memasukkan prinsip Syariah. Matlamatnya adalah untuk menghapuskan sebarang halangan undang-undang dan memastikan sistem perbankan dan kewangan Islam berfungsi tanpa halangan dan efisien. Akta Bank Negara Malaysia juga telah dipinda untuk membolehkan penubuhan Majlis Penasihat Syariah di Bank Negara Malaysia sebagai satu-satunya pihak berkuasa dan tempat

rujukan mengenai semua perkara yang berkaitan dengan perbankan dan kewangan Islam.

Sistem kewangan Islam pada hari ini telah muncul sebagai satu komponen penting sistem kewangan Malaysia yang menyumbang kepada pertumbuhan dan perkembangan ekonomi Malaysia. Semenjak tahun 2000, dari segi aset, industri perbankan Islam domestik telah berkembang pada kadar purata 18% setahun. Pada akhir tahun 2004, jumlah aset sektor perbankan Islam meningkat kepada RM94.6 bilion, iaitu 10.5% daripada jumlah aset dalam sistem perbankan. Bahagian pasaran bagi deposit dan pembiayaan Islam juga meningkat masing-masing kepada 11.2% dan 11.3%.

Pada masa industri perbankan Islam domestik berkembang ke tahap pembangunan yang lebih maju, perkembangan yang ketara membentuk infrastruktur pengawalseliaan kewangan industri. Perkembangan yang bakal berlaku termasuk satu set piawaian pengawalan kehematan dan penyeliaan yang unik bagi operasi perbankan Islam oleh Lembaga Perkhidmatan Kewangan Islam, satu set piawaian perakaunan yang dibuat khusus bagi perniagaan kewangan Islam oleh Lembaga Piawaian Perakaunan Malaysia dan pengenalan Skim Insurans Deposit di Malaysia.

Ekoran pencapaian saiz kritikal, pada tahu 2003, Bank Negara Malaysia menjalankan kajian semula pada struktur keinstitusian 'jendela' bank yang sedia ada bagi mewujudkan struktur baru yang boleh diasimilasikan dengan perkembangan infrastruktur pengawalseliaan kewangan Islam pada masa hadapan untuk jangka masa yang lebih panjang dan seterusnya memperkukuh rejim pengawalseliaan berhemat sistem perbankan Islam. Ini ialah fasa ketiga dalam pembangunan perbankan Islam di Malaysia. Struktur institusi baru yang dikenali sebagai 'subsidiari Islam' diperkenalkan pada tahun 2004. Dijangka bahawa fokus yang lebih strategik dan sumber yang lebih serta tahap autonomi dan tadbir urus yang lebih tinggi akan diberikan kepada bank-bank Islam. Sehingga hari ini, dua subsidiari Islam yang dimiliki oleh dua kumpulan perbankan telah ditubuhkan.

Bersepadu dengan Sistem Kewangan Antarabangsa

Satu lagi kemajuan dalam perbankan dan kewangan Islam dalam sistem perbankan Malaysia sepanjang pembangunan dua dekadnya ialah pengeluaran tiga lesen bank Islam kepada institusi kewangan Islam dari Timur Tengah. Bank-bank tersebut yang mempunyai kemampuan dan kekuatan tersendiri berpeluang menghubungkan dua rantau ini, menyertai industri perbankan Islam yang kian berkembang serta menerokai pasaran baru di Malaysia dan di rantau ini, di samping merangsang persaingan sihat yang seterusnya menyumbang kepada peningkatan industri ke tahap dinamisme baru. Selain itu, pihak asing dibenarkan memiliki sehingga 49% kepentingan dalam subsidiari Islam. Ini merupakan fasa keempat pembangunan sektor perbankan Islam negara. Kadar proses

integrasi kewangan Islam dengan sistem kewangan antarabangsa bergantung pada langkah-langkah untuk meningkatkan kemantapan dan daya tahan sistem kewangan Islam domestik. Ini akan menggalakkan peningkatan daya saing, daya tahan dan kemapanan sistem kewangan Islam sebagai satu bentuk pengantaraan kewangan. Integrasi tersebut akan memberi sumbangan yang besar ke arah memudahkan aliran merentasi sempadan yang lebih besar dari segi peningkatan urus niaga perdagangan dan pelaburan; dengan itu, memperkukuh hubungan ekonomi dan kewangan global. Dengan proses integrasi antarabangsa yang semakin hebat, ini akan memudahkan mobilisasi dan penyaluran sumber yang lebih besar antara negara-negara kepada pelaburan yang produktif; dengan itu, meningkatkan prospek pertumbuhan global yang lebih seimbang dan kemakmuran bersama di kalangan ummah. Ini juga membolehkan kepelbagaian risiko yang lebih untuk mencapai kestabilan global.

Kita menyaksikan permulaan proses ini melalui penyertaan bank Islam yang lebih meluas dalam pasaran negara-negara Islam dan bukan Islam serta kemampuan memperoleh dana daripada sesama pasaran kewangan tersebut, terutamanya oleh institusi pelbagai hala tradisional. Langganan dan perdagangan instrumen kewangan Islam oleh institusi kewangan konvensional menjadi perkara biasa yang dilakukan menggunakan sistem sedia ada untuk perdagangan, bursa antarabangsa sedia ada untuk penyenaraian dan rumah penjelasan sedia ada untuk tujuan penyelesaian.

Inisiatif penting dalam pembangunan arkitektur kewangan Islam antarabangsa ialah penubuhan Lembaga Perkhidmatan Kewangan Islam (IFSB) pada tahun 2002. Lembaga ini ditubuhkan untuk menyebarluaskan piawaian pengawalseliaan antarabangsa bagi institusi kewangan Islam seluruh dunia dengan matlamat untuk mengharmonikan amalan perbankan Islam, menggalakkan amalan terbaik dan memperoleh keutuhan dan kestabilan dalam kewangan Islam. Inisiatif lain untuk mempercepat integrasi kewangan Islam adalah dengan penubuhan Pasaran Kewangan Islam Antarabangsa (IIFM) pada tahun 2002. IIFM menyediakan persekitaran untuk menghubungkan semua pusat kewangan di serata dunia yang menyertai kewangan Islam, dengan itu menggalakkan penyertaan yang aktif institusi kewangan Islam dan bukan Islam dalam pasaran sekunder untuk instrumen kewangan Islam. Dengan peningkatan jumlah urus niaga, ini akan memperkukuh hubungan dan integrasi di kalangan pusat kewangan Islam.

Walaupun suatu Pelan Induk menyediakan visi bersama dengan matlamat yang sama, perlu disedari bahawa evolusi sistem kewangan Islam berserta komponennya tidak akan tercapai dalam tempoh yang singkat. Walau bagaimanapun, matlamat jangka sederhana dan panjang yang dirangka menyediakan asas bagi memastikan inisiatif jangka pendek akan konsisten dan koheren dengan objektif jangka panjang. Dalam erti kata lain, pembinaan blok binaan harus bergerak mengikut arah yang betul. Sebagai sebahagian daripada proses ini,

setiap institusi perbankan Islam perlu merumuskan pelan strategik dan pelan tindakan jangka pendek dalam perspektif jangka panjang ini. Walaupun dengan asas-asas yang dibina dan pelan yang tersedia, masa depan belum terjamin. Hanya dengan gabungan usaha dan ketekunan semua pihak yang berkepentingan sahajalah visi untuk pembangunan kewangan Islam masa hadapan akan dapat membuahkan hasil yang diharapkan.

Persidangan Euro
14 Julai 2005, Kuala Lumpur

"Memperluas Hubungan Ekonomi ASEAN-EU: Peranan Mata Wang Euro"

Ucapan oleh
Tan Sri Dato' Sri Dr. Zeti Akhtar Aziz
Gabenor, Bank Negara Malaysia

Bank Negara Malaysia amat berbesar hati kerana dapat menganjurkan secara bersama persidangan ini dan kami ingin mengucapkan terima kasih kepada Kesatuan Eropah (EU) kerana memberi peluang ini. Persidangan ini bertujuan untuk mempertemukan pakar-pakar yang terkenal untuk berbincang mengenai isu-isu penting yang melibatkan kepentingan ekonomi, monetari dan kewangan di ASEAN dan EU. Saya percaya pertukaran pendapat dan pandangan sepanjang dua hari ini akan menyumbang kepada peningkatan pemahaman terhadap perkembangan dan isu-isu yang penting kepada rantau kita. Agenda kami adalah untuk terus memperkukuh perkongsian erat ASEAN-EU yang saling memanfaatkan kedua-dua rantau. Dengan ini menjadi harapan kami agar Persidangan ini akan menjadi pemangkin untuk menggalakkan penghayatan yang lebih mengenai potensi hubungan ekonomi ASEAN-EU yang lebih luas - satu hubungan yang boleh meningkatkan lagi aliran perdagangan dan pelaburan antara rantau kita.

Perkongsian ASEAN-EU telah semakin berkembang selama ini menerusi beberapa forum yang telah mantap. Ini berlaku dalam persekitaran global dengan ekonomi dan sistem kewangan dunia menjadi semakin bersepadu. Oleh itu, dijangkakan bahawa negara-negara menjadi lebih saling bergantung, kejadian di satu bahagian dunia akan mempunyai kesan kepada bahagian-bahagian dunia yang lain. Kemungkinan ini lebih ketara bagi ekonomi dan sistem kewangan ASEAN memandangkan keterbukaan mereka dan tahap integrasi yang tinggi dengan ekonomi dunia dan sistem kewangan antarabangsa. Semasa ASEAN dan EU terus berkembang sebagai rakan strategik, peluang baru juga boleh direalisasikan. Peningkatan hubungan juga akan menyumbang kepada pengendalian cabaran-cabaran baru dengan lebih efektif dalam persekitaran dunia yang sentiasa berubah. Sesungguhnya, persidangan ini berlangsung pada masa yang penting tatkala ia menjadi sangat membina dan bermakna bagi rantau kita untuk memperkukuh gandingan, saling kaitan dan hubungan kita.

Mempelajari daripada pengalaman EU

Penyatuan Eropah dari pelbagai segi merupakan kemajuan struktur yang utama kepada ekonomi dan landskap kewangan dunia. Walau bagaimanapun, besar kemungkinan laluan bagi proses integrasi akan menjadi sangat berlainan kerana

perbezaan kita serta struktur dan tahap pembangunan kita yang berlainan. Namun demikian, boleh dikatakan dengan pasti bahawa integrasi akan tetap berlaku. Malah, proses ini telah pun bermula dan momentumnya besar kemungkinan akan meningkat ketika kita melangkah ke hadapan. Pendorong kepada peningkatan tersebut ialah ia akan membawa kepada kestabilan yang lebih dan menjana potensi pertumbuhan yang lebih tinggi.

Pengalaman Eropah memberikan pemahaman berharga dalam menggabungjalinkan dan mengatur kepantasan proses pengintegrasian di rantau ASEAN. Laluan Eropah ke arah pengintegrasian – yang berdasarkan pengintegrasian perdagangan, dengan sekatan atas pergerakan barangan dan kesemua faktor pengeluaran disingkir di peringkat awal, diikuti dengan peningkatan hubungan monetari dan kewangan di peringkat seterusnya - memberi ASEAN satu rujukan yang penting dalam usaha pengintegrasian monetari dan kewangannya, terutamanya yang berkaitan dengan inisiatif liberalisasi perdagangan dan pelaburan untuk memudahkan pengintegrasian ekonomi serantau yang lebih.

Peluang Amat Banyak bagi EU di ASEAN

Sememangnya terdapat banyak perkara yang boleh dipelajari ASEAN daripada pengalaman EU. EU kini merupakan pasaran bersepadu yang terbesar di dunia. EU telah menjadi rakan perdagangan ASEAN yang ketiga terbesar. Perdagangan ASEAN 5 (iaitu Indonesia, Malaysia, Filipina, Thailand dan Singapura sebagai satu kumpulan) dengan EU merupakan 12.4% daripada jumlah perdagangannya pada tahun 2004. Sementara itu, perdagangan EU dengan ASEAN 5 mencakupi 4.5% daripada jumlah perdagangan EU. Dengan terdapat pertumbuhan yang mapan dan kestabilan makroekonomi dan kewangan di ASEAN, wujud potensi yang signifikan untuk memperluas hubungan perdagangan dan pelaburan antara dua rantau kita. Tumpuan pada bidang-bidang yang saling melengkapi akan memaksimumkan manfaat bersama yang bakal diperoleh daripada hubungan yang lebih kukuh.

Kenyataan Wawasan ASEAN adalah “untuk mewujudkan rantau ekonomi ASEAN yang stabil, makmur dan amat kompetitif, di mana terdapat aliran barangan, perkhidmatan dan pelaburan yang bebas, aliran modal yang lebih bebas, pembangunan ekonomi yang saksama dan pengurangan kemiskinan dan ketidaksamaan sosioekonomi” menjelang tahun 2020. Selama lebih dari sedekad ekonomi ASEAN telah menikmati pertumbuhan yang lebih tinggi daripada purata pertumbuhan dunia. Walaupun momentum pertumbuhan ini terganggu semasa krisis mata wang Asia pada tahun 1997 dan 1998, ekonomi ASEAN telah menunjukkan daya tahan untuk meneruskan semula pertumbuhan yang kukuh hanya dalam tempoh yang singkat selama setahun bagi banyak negara yang terbabit. Semakin banyak peluang baru yang muncul di rantau kami dengan diperkukuh oleh

pengintegrasian serantau yang semakin hebat pada masa ini. Di ASEAN, usaha-usaha sedang dipergiat untuk melaksanakan pelan tindakan perdagangan dan pelaburan di bawah Kawasan Perdagangan Bebas ASEAN (atau AFTA, untuk perdagangan barangan), Perjanjian Rangka Kerja ASEAN mengenai Perkhidmatan (atau AFAS, untuk perdagangan perkhidmatan) dan Kawasan Pelaburan ASEAN (atau AIA, untuk liberalisasi pelaburan).

Inisiatif untuk mempertingkatkan aliran perdagangan dan pelaburan ke ASEAN juga telah diiringi dengan usaha-usaha untuk memperkukuh kestabilan monetari dan kewangan. Negara-negara ASEAN juga telah memperhebat usaha-usaha kerjasama kewangan serantau, termasuk dalam proses pengawasan. Usaha-usaha tersebut telah mempertemukan penggubal-penggubal dasar daripada kementerian-kementerian kewangan dan bank-bank pusat ASEAN untuk sentiasa berbincang mengenai perkembangan ekonomi serantau dan global yang mempunyai implikasi atas rantau ASEAN. Pada bulan April tahun ini, negara-negara ASEAN juga telah menggandakan saiz kemudahan pembiayaan serantaunya, iaitu Peraturan Swap ASEAN (ASA), daripada USD1 bilion kepada USD2 bilion. ASA merupakan satu lagi inisiatif untuk mengekalkan kestabilan ekonomi dan kewangan serantau melalui mekanisme yang menyediakan bantuan mudah tunai jangka pendek kepada negara-negara ahli yang menghadapi masalah sementara dalam imbangan pembayaran.

Pengukuhan Perkongsian Strategik sebagai satu Langkah Wajar ke Hadapan

Dalam mengorak langkah ke hadapan, kedua-dua EU dan ASEAN, melalui perseimbangan semula pertumbuhan global, mempunyai potensi untuk menyumbang kepada pengurangan ketidakseimbangan dalam landskap global.

Proses untuk meningkatkan saling hubungan antara rantau kita telah pun bermula. Sebagai pelopor kepada penubuhan Perjanjian Perdagangan Bebas (FTA), rantau kita telah memulakan Inisiatif Perdagangan Rentas-Serantau Kesatuan Eropah-ASEAN pada tahun 2003. Kerja-kerja juga telah bermula bagi memperluas aliran perdagangan dan pelaburan melalui kerjasama ASEAN-EU yang lebih erat. Ini termasuk dalam perdagangan, pelaburan dan isu-isu pengawalseliaan.

Sementara sekatan-sekatan antara rantau kita akan terus dikurangkan di bawah FTA kelak, mengekalkan koheren antara liberalisasi dengan kestabilan ekonomi juga adalah penting. Bidang-bidang baru dalam sektor spesifik yang mempunyai kepentingan bersama, yang akan melengkapkan hala tuju pertumbuhan yang lebih tinggi untuk kedua rantau, perlu diteroka. Ini akan menyumbang ke arah memperkukuh kemapanan dan keberkesanan perkongsian ASEAN-EU dan dengan itu, meningkatkan potensi untuk menyumbang kepada kestabilan ekonomi global.

Izinkan saya untuk mengakhiri ucapan saya di sini. Terima kasih atas penyertaan anda dalam Persidangan Euro ini. Saya harap sesi-sesi berikutnya akan mencabar pemikiran anda dan menyampaikan banyak idea dan perspektif yang baru kepada anda tentang prospek hubungan ASEAN-EU yang lebih meluas.

Pelancaran Dana Indeks Bon Malaysia Dana Bon Asia (ABF)
18 Julai 2005, Kuala Lumpur

Ucapan oleh
Tan Sri Dato' Sri Dr. Zeti Akhtar Aziz
Governor, Bank Negara Malaysia

"Exchange Traded Fund" (ETF) ialah satu hasil inovasi kewangan yang penting dan sangat berjaya, yang terdapat dalam pasaran kewangan yang lebih maju. Penggunaan ETF, yang diperkenalkan buat kali pertama di Kanada pada awal tahun 1990-an semakin berkembang selepas penyenaraian S&P Depositary Receipt Trust Series 1 (juga dikenali dengan nama "Spiders") di Bursa Saham Amerika Syarikat pada tahun 1993. Semenjak itu, ETF telah berkembang dengan pesat dan kini sejumlah 350 dana berkenaan tersenarai di bursa global dengan jumlah aset sebanyak USD313 bilion, terdiri daripada bukan hanya dalam saham dan bon tetapi juga dalam mata wang dan komoditi.

Saya amat berbangga untuk berada di sini pada hari ini dalam upacara penyenaraian Dana Indeks Bon Malaysia ABF, ETF yang pertama di Malaysia. Di rantau EMEAP (rantau Asia Pasifik Timur), Dana Indeks Bon Malaysia ABF merupakan subdana negara yang kedua dilancarkan, berikutan kejayaan pelancaran Dana Indeks Bon Hong Kong ABF pada 21 Jun 2005. Enam lagi subdana sampingan negara EMEAP akan dilancarkan apabila tiba masanya.

Pelancaran Dana Indeks Bon Malaysia ABF pada hari ini menandakan satu lagi pencapaian penting hasil kerjasama bank-bank pusat EMEAP di rantau ini. Ini merupakan kejayaan dalam perlaksanaan projek Dana Bon Asia untuk mempercepat pembangunan pasaran bon domestik serta menggalakkan peningkatan integrasi antara pasaran bon serantau. Dengan itu, penyenaraian Dana Indeks Bon Malaysia ABF adalah satu langkah ke hadapan yang penting dalam pembangunan pasaran bon Malaysia, dan untuk terus meningkatkan potensinya dalam menyumbang kepada pertumbuhan ekonomi negara yang lebih mapan dan seimbang.

Bon ETF ialah instrumen pelaburan dengan kos kemasukan yang rendah. Instrumen ini ialah alat pelaburan yang sangat efisien, telus dan mudah, yang direka bentuk bukan sahaja untuk menarik minat pelabur institusi tetapi juga pelabur runcit. Dengan saiz lot standard yang mampu dimiliki, bon ETF memberi ruang kepada pelabur runcit untuk mendapat akses kepada pasaran bon. Oleh itu, bon ETF menawarkan pelabur dengan instrumen pelaburan alternatif

tambahan serta peluang untuk mempelbagaikan pelaburan mereka dalam lebih banyak kategori aset yang baru.

Dana Indeks Bon Malaysia ABF merangkumi pelaburan dalam sekuriti Kerajaan dan Separa Kerajaan dan menjejak sebuah indeks, yang boleh direplikakan dan telus. Penyenaraian Dana Indeks Bon Malaysia ABF pada hari ini tidak hanya akan menambah kepelbagaian dalam penyenaraian di Bursa Malaysia tetapi juga akan membuka jalan kepada peningkatan pengenalan produk-produk yang lebih berinovatif yang lain pada masa akan datang. Berdasarkan pada keadaan persekitaran kewangan semasa yang dinamik dan sering berubah, perkembangan ini penting untuk memenuhi permintaan pelabur yang berbeza yang mahukan pelbagai produk kewangan yang lebih meluas pada harga yang lebih kompetitif dan melalui saluran pelaburan yang lebih cekap dan mudah. Penyenaraian ETF di Bursa Malaysia juga akan meningkatkan kesedaran serta menjana minat pelabur domestik dan antarabangsa dalam pasaran bon Malaysia, seterusnya menyumbang ke arah pembangunan pasaran bon di Malaysia yang lebih mendalam dan meluas.

Pelancaran Bon Malaysia ETF mungkin tidak akan menjadi kenyataan tanpa sokongan dan kerjasama yang erat daripada banyak pihak. Khususnya, saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada Suruhanjaya Sekuriti, Bursa Malaysia, Persatuan Syarikat Broker Saham Malaysia, AmInvest, selaku pengurus dana, dan penggerak pasaran kerana sumbangan dan komitmen mereka dalam kerjasama dengan Bank Negara Malaysia untuk merealisasikan penyenaraian Dana Indeks Bon Malaysia ABF ini. Kerjasama yang kukuh antara pengawal selia dengan industri adalah penting dalam menyelesaikan cabaran pengawalseliaan dan operasi yang ketara bagi membolehkan penyenaraian Dana Indeks Bon Malaysia ABF ini berjaya. Malahan, ia merupakan kerjasama strategik yang menyumbang kepada peningkatan pertumbuhan keseluruhan pasaran kewangan.

Saya juga ingin merakamkan ribuan terima kasih kepada AmMerchant Bank, CIMB dan Maybank atas penyertaan mereka sebagai peniaga yang menyertai. Saya juga ingin mengucapkan selamat maju jaya kepada AmInvest, selaku pengurus dana, dalam pengurusan dan penggalakkan Dana ini.